



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

<b>KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>EKONOMI ISLAM</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>DPI 2183</b>
<b>PEPERIKSAAN</b>	<b>:</b>	<b>APRIL 2016</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>2 JAM 30 MINIT</b>

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (80 Markah)
  
2. Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A**, dan **EMPAT (4)** soalan sahaja dari **BAHAGIAN B**.
  - i. Jawab **BAHAGIAN A** dan **B** di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan di muka surat baru.
  
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

**Bahagian ini mengandungi SATU (1) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.**

“Ekonomi Islam ialah sekumpulan dasar-dasar umum ekonomi yang diambil dari al Quran dan al Sunnah. Manakala pembangunan ekonominya dari segi teori dan sistem perlaksanaannya adalah berdasarkan kepada dasar-dasar tersebut sesuai dengan keadaan, masa dan tempat”

(Dr . Mohamad Abdullah al-Arabi)

Berdasarkan pernyataan di atas jawab soalan berikut:

a. Bincangkan definisi ekonomi Islam

(4 markah)

b. Jelaskan **EMPAT (4)** asas falsafah ekonomi Islam

(8 markah)

c. Jelaskan **EMPAT (4)** prinsip ekonomi Islam

(8 markah)

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi LIMA (5) soalan. Jawab EMPAT (4) soalan di dalam buku jawapan.

**SOALAN 1**

“Sesungguhnya orang yang makan dan minum dengan menggunakan bejana (bekas) emas dan perak, maka akan gemercik suara api neraka dalam perutnya”

(Riwayat Muslim)

Berdasarkan maksud Hadis di atas jelaskan:

- a. **EMPAT (4)** hikmah larangan penggunaan barang-barang yang bersifat *tarafiat* (berharga).  
(10 markah)
  
- b. **EMPAT (4)** syarat barang dan perkhidmatan yang diterima oleh syarak.  
(10 markah)

**SOALAN 2**

Bincangkan istilah-istilah berikut:

- a. Al-Qias  
(5 markah)
  
- b. Al-ijmak Ulama  
(5 markah)
  
- c. Khiyar  
(5 markah)
  
- d. Aqad  
(5 markah)

**SOALAN 3**

Allah SWT berfirman dalam *al-Quran, Surah al-Nisaa'* ayat 29:

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesama kamu dengan jalan yang batil (salah), kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku suka sama suka di antara kamu."

- a. Nyatakan
- i. Maksud kontrak dalam ekonomi Islam. (1 markah)
  - ii. **TIGA (3)** rukun-rukun kontrak dalam Islam. (3 markah)
  - iii. Mana-mana **DUA (2)** jenis kontrak yang dibenarkan dalam Islam. (2 markah)
  - iv. **EMPAT (4)** perkara yang boleh menyebabkan sesuatu kontrak itu menjadi haram. (4 markah)
- b. Jelaskan kaitan ayat di atas dengan riba. (4 markah)
- c. Bincangkan **TIGA (3)** jenis riba dalam ekonomi Islam. (6 markah)

**SOALAN 4**

- a. Nyatakan **EMPAT (4)** tujuan zakat dalam ekonomi Islam. (4 markah)
- b. Jelaskan mana-mana **TIGA (3)** asnaf yang layak menerima zakat. (6 markah)
- c. Berikan definisi serta terangkan jenis cukai berikut:
- i. *Kharaj* (cukai tanah ke atas muslim dan bukan muslim) (2.5 markah)
  - ii. *Jizyah al-sulh* (cukai perlindungan oleh Negara kafir) (2.5 markah)
  - iii. *Usyur* (cukai import) (2.5 markah)
  - iv. GST (*Government Service Tax*) (2.5 markah)

**SOALAN 5**

Nyatakan nama seorang "**Tokoh Islam**" atau "**Usahawan Islam**" yang anda kenali dan ketahui biografinya kemudian huraikan sumbangannya di dalam perkembangan bidang ekonomi Islam.

(20 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**



